

Headline	RUMAH GENERASI BARU FELDA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	179,231
Page No	51	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	320 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,558
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,674



RUMAH GENERASI BARU FELDA

Terengganu jadi lokasi projek perintis SPNB bina rumah teres

Hafiz Ikhin

hafizikhin

@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan menerusi Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) komited memberi manfaat kepada generasi baru Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), dengan membangunkan 20,000 unit kediaman di seluruh negara menjelang akhir tahun ini.

Projek kediaman itu yang dikenali sebagai Rumah Generasi Baharu FELDA menyasarkan Terengganu sebagai negeri perintis sebelum meluaskannya ke negeri lain di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB, Datuk Ahmad Azizi Ali berkata, kediaman generasi baru FELDA itu berkonsepkan rumah teres dengan jangkakan harga jualan sama seperti Projek Rumah Mesra Rakyat iaitu di bawah RM65,000 seunit.

Beliau berkata, projek pembangunan Rumah Generasi Baharu FELDA adalah kerjasama strategik antara SPNB dan FELDA pada April lalu, sekali gus ia menambah jumlah komitmen SPNB yang perlu menyiapkan 100,000 unit kediaman rakyat menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

"Rumah Generasi Baharu FELDA ini masih di peringkat akhir untuk dimuktamadkan pelaksanaannya dan kita bekerjasama rapat dengan FELDA serta mendapatkan sokongan daripada Kementerian Kewangan. SPNB

jangkakan projek ini dapat dilaksanakan pada suku keempat tahun ini.

"Dari segi komitmen SPNB, menyiapkan 100,000 kediaman mampu milik yang diumumkan kerajaan pada PRU yang lalu, kita sudah menyiapkan 36,000 unit dan 14,000 unit dalam proses pembinaan. Selebihnya, bakal dibangunkan pada jangka masa terdekat," katanya pada majlis menandatangani kerjasama SPNB

dan Ajiya Bhd (Ajiya) di sini, semalam.

Melalui kerjasama berkeajaan, Ajiya sebagai penyedia rumusan pembinaan kediaman yang menggunakan teknologi rumusan pembinaan bersepadu hijau Ajiya

(AGIBS) bakal digunakan SPNB dalam projek kediaman yang dibangunkannya.

Menerusi penggunaan rumusan itu, pemaju dapat menjimatkan kos dan masa operasi berbanding kaedah pembinaan tradisional yang kebiasaannya mengambil masa sehingga 24 bulan.

Namun, dengan menggunakan teknologi AGIBS, ia mampu menawarkan tempoh pembinaan kediaman yang lebih cepat sehingga lapan bulan.

Azizi berkata, kerjasama SPNB dengan Ajiya membantu mempercepatkan proses pembinaan kediaman yang dibangunkan dan

pada masa ini, SPNB masih belum memutuskan penggunaan AGIBS bagi projek kediamannya.

"SPNB sememangnya menggunakan kaedah sistem binaan industri (IBS) dalam projek yang dilaksanakan. Rumusan yang dimiliki Ajiya ini boleh membantu meningkatkan lagi penggunaan teknologi pembinaan kediaman kami.

"Malah, AGIBS terbukti berkesan menerusi pembinaan projek kediaman terdahulu. Perkara paling utama ialah mereka mempunyai logistik di seluruh negara," katanya.

“

Rumah Generasi Baharu FELDA ini masih di peringkat akhir untuk dimuktamadkan pelaksanaannya dan kita bekerjasama rapat dengan FELDA serta mendapatkan sokongan daripada Kementerian Kewangan”

Ahmad Azizi



Headline	RUMAH GENERASI BARU FELDA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	179,231
Page No	51	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	320 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,558
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,674



SPNB guna teknologi AGIBS untuk rumah teres generasi baru FELDA.

